

Padankan kronologi plot dengan peristiwa yang betul

Permulaan

Datuk sering diperli oleh nenek maka timbul hasrat untuk tidak mencari lagi akar-akar kayu di hutan. Namun minat datuk sebagai pengamal perubatan tradisional tetap membara. Datuk juga menyoroti kisah silam tentang kecuaiannya mendidik ibu Lili dengan sempurna. Datuk turut berdepan dengan kekecohan di surau kerana kehadiran pemaju. Danel yang seolah-olah mempertikai kemampuan ubat tradisional menyebabkan datuk berkecil hati. Lili dijadikan tawanan oleh Rafiq dan mengugut untuk mencederakannya sebelum

Perkembangan

Lili pulang ke kampung datuknya di Dungun, Terengganu dengan menaiki bas. Lili berpura-puran gembira dengan percutiannya untuk menjaga hati ibunya sedangkan Lili mahu menghabiskan cuti sekolah bersama-sama teman-teman sekolahnya. Dalam perjalanan Lili bertemu Geetha dan Danel di dalam bas. Didapati kampung datuknya amat nyaman, cantik dan terdapat sawah padi yang luas.

Perumitan/ Konflik

Lili menemui neneknya yang sedang menyemai benih di petak semaian sementara datuknya pergi ke surau. Lili ingin mengetahui kepentingan susunan rumah dan jendela menghadap jalan daripada datuknya tetapi datuk ingin Lili mencari sendiri jawapannya. Datuk bercerita tentang khasiat, kehebatan dan cara-cara menyembuhkan penyakit menggunakan ubat-ubatan tradisional. Lili mengetahui ramai pesakit yang sembuh berubat dengan datuknya.

Klimaks/ Kemuncak

Rashid memaklumkan bahawa Sugi tidak terlibat dalam usaha memujuk orang kampung untuk menjual tanah mereka kepada pemaju perumahan tetapi berhajat untuk memajukan tanah kampung tersebut untuk projek agripolitan. Seman berjaya ditangkap dan dihantar ke pusat pemulihan akidah. Cadangan Danel untuk membina masjid diterima oleh Ketua Kampung dan semua penduduk kampung. Nenek memberitahu Lili sebab jendela rumah di kampung tersebut menghadap jalan adalah untuk memudahkan pengawasan pergerakan Bintang Tiga dan sentiasa berjaga-jaga. Lili Pulang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri majlis perpisahan pengetuannya sementara Haziq dan Rafiq Kembali ke sekolah untuk menduduki PMR

Peleraian/ Pengakhiran

Che Jah menceritakan nasib malangnya secara panjang lebar kepada Kak Hamimah dan Nadia iaitu pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Che Jah juga membocorkan rahsia bahawa suaminya, Seman yang melarikan kubah surau sedangkan anaknya, Haziq dan Rafiq hanya menjadi mangsa keadaan. Che Jah bersetuju untuk membawa suaminya itu ke muka pengadilan dengan membuat laporan polis manakala Haziq dan Rafiq dihantar ke pusat pemulihan akhlak.